

## PENDEKATAN PENEGUHAN (*AL-TARGHIB*) DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK: TINJAUAN DARI PERSPEKTIF PSIKOLOGI ISLAM DAN RETORIK AL-QURAN

Ahmad Fazullah M.Z.A.<sup>1</sup>, Wan Azura W.A.<sup>2\*</sup>, Yuslina Mohamed<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300, Kuantan Pahang, Malaysia

<sup>2\*</sup>, <sup>3</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding author: Email: [wanazura@usim.edu.my](mailto:wanazura@usim.edu.my)

### Article Info

Received:

15 September 2022

Accepted:

26 September 2022

Published:

10 October 2022

DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiyaa.v1i2.32>

### ABSTRAK

Pendidikan merupakan salah satu keperluan asas manusia dalam pembelajaran sepanjang hayat bagi membangunkan potensi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Inti pati pendidikan adalah menerapkan elemen ilmu dan hikmah, kemahiran, sikap, keupayaan dan nilai-nilai yang sesuai dengan fitrah diri insan yang terdidik. Penerapan elemen-elemen tersebut perlu melalui proses pendidikan iaitu pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah, teknik dan strategi tertentu. Salah satu pendekatan penting dalam ekosistem PdP ialah pendekatan peneguhan. Justeru, makalah ini mengupas pendekatan peneguhan (*targhib*) dalam pendidikan kanak-kanak dari perspektif psikologi Islam dan retorik al-Quran. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis teks al-Quran, al-Hadis dan kajian dari perspektif psikologi Islam. Dapatan mendapati bahawa peneguhan sama ada peneguhan positif atau peneguhan negatif yang disarankan oleh al-Quran, al-Hadis, dari sudut psikologi Islam dalam pendidikan kanak-kanak penting bagi kejayaan pembentukan jati diri, pembangunan diri dan proses pembelajaran yang berkualiti.

**Keywords:** *Kata kunci: pendidikan, peneguhan, psikologi Islam, retorik al-Quran, retorik Arab*

### ABSTRACT

Education is a basic human need in lifelong learning to develop physical, emotional, spiritual, intellectual and social. The philosophy of education is to penetrate elements of knowledge and wisdom, skills, attitudes, abilities and values towards individuals. The application of these elements should go through the educational process of teaching and learning with various approaches, methods, techniques and strategies. However, the approach in the ecosystem of teaching and learning is the reinforcement approach. Therefore, this paper examines the reinforcement approach in children's education from the perspective of Islamic psychology and the Quranic rhetoric. This study is a qualitative study by analyzing the text of the Qur'an, the Hadith and resources from Islamic psychology. As a result of the study,

the reinforcement approach either positive or negative taught by al-Quran, al-Hadith, and Islamic psychology is important in shaping individual identity, self-development and quality learning process in children's education.

*Keywords: education, reinforcement approach, Islamic psychology, Quranic rhetoric, Arabic rhetoric*

## PENGENALAN

Pendidikan merupakan salah satu keperluan asas manusia dalam kehidupan sepanjang hayat. Sama ada secara tidak formal mahupun formal, proses pendidikan bermula secara pengembangan manusia itu sendiri iaitu dari usia kecil hingga lanjut usia. Kebenaran sesebuah pendidikan itu dianggap tercapai apabila ia mampu membentuk potensi individu (sama ada kanak-kanak atau pelajar) tanpa mengira faktor-faktor demografik individu terbabit. Potensi-potensi individu yang ingin dibangun dan diperkasakan ini merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial secara menyeluruh (ringkasannya JERIS). Inti pati pendidikan dalam setiap aspek ini adalah menerapkan elemen ilmu dan hikmah, kemahiran, sikap, keupayaan dan nilai-nilai yang sesuai dengan fitrah diri insan yang terdidik. Seterusnya, penerapan elemen-elemen tersebut perlu melalui proses pendidikan iaitu pengajaran dan pembelajaran (*teaching and learning*) atau ringkasnya PdP. PdP merupakan proses pendidikan yang menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah, teknik dan strategi tertentu. Selain pendekatan 5M (mengeja, membaca, menulis, mengira, menaakul), salah satu pendekatan penting dalam ekosistem PdP ialah pendekatan peneguhan (*reinforcement*). Dalam istilah bahasa Arab, peneguhan disebut sebagai *Tarhib*.

Tambahan pula, dalam usaha pendidikan kanak-kanak, saranan nilai teras pendidikan harus berdasarkan kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati (*love, happiness and mutual respect*) (Maszlee Malik, 2021). Namun, dalam apa jua pendekatan yang diaplikasikan perlu menyeimbangi nilai-nilai teras pendidikan tersebut kepada kumpulan sasaran. Justeru, makalah ini cuba untuk menghuraikan pendekatan-pendekatan ini dari perspektif psikologi moden dan psikologi Islam. Di samping itu, kupasan juga menyentuh seni pendekatan ini dalam ayat al-Quran dan al-Hadis terpilih dari kacamata ilmu retorik Arab (*Balaghah*) dan retorik al-Quran (*Balaghah Quran*).

## METODOLOGI

### Reka bentuk penyelidikan

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif yang menganalisis kandungan daripada sumber al-Quran, al-Hadis dan beberapa sumber rujukan karangan sarjana Islam dan ahli psikologi berkaitan pendekatan PdP peneguhan. Di samping itu, kajian cuba membincangkan elemen kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati dalam pendekatan peneguhan. Umumnya, makalah ini memfokuskan kepada pendekatan peneguhan dalam konteks bidang psikologi umum, psikologi Islam dan retorik al-Quran dalam membangunkan keperibadian kanak-kanak.

## PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Ekosistem pendidikan mengandungi falsafahnya tersendiri. Kerangka pendidikan yang merentasi acuan sistem Input, Process, Output, Outcomes dan Impact (IPOOI) memaparkan

proses yang menyeluruh dalam melahirkan modal insan yang dapat menyumbang kepada keharmonian dan pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Cabarannya ialah memperkasakan elemen mikro (seperti falsafah pendidikan, institusi, potensi JERIS, pendekatan Pdp, dan sebagainya) dalam sistem tersebut sebelum melihat kesan elemen makro (hasil dan impak) terhadap individu.

### **Definisi pendidikan dan Fokus psikologi**

Pendidikan merupakan proses penting dalam kehidupan seperti yang berkait rapat dengan proses kematangan (Awang Sariyan, 2009). Ia merupakan elemen asas yang penting dalam pembentukan masyarakat dalam usaha mencapai kesejahteraan insan.

Kata pendidikan merupakan perkara berkaitan perihal mendidik, ilmu mendidik, didikan, latihan, ajaran manakala kata dasarnya ialah didik, pelihara, ajar, latih, bimbing, asuh, tunjuk ajar (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Dalam bahasa Inggeris, pendidikan merupakan *system of training and instruction designed to give knowledge and develop skills, abilities, mental and apply moral*, termasuk juga kata *educate, train, teach, give instruction* (Oxford Advanced Learner's Dictionary, 2020). Dalam bahasa Arab terdapat beberapa istilah yang merujuk kepada kata pendidikan. Antara istilah kalimah yang sering digunakan ialah *tarbiyyah*, *ta'alim*, dan *ta'dib* (Rosnani Hashim, 2006; al-Attas, 1999).

Aspek pendidikan ini berkait rapat dengan bidang sains tingkah laku. Salah satu bidang sains tingkah laku ialah psikologi. Ia merupakan bidang kajian saintifik yang mengkaji aspek tingkah laku dan proses mental manusia (Coon & Mitterer, 2013; Feldman, 2019). Jika dilihat dari perspektif psikologi Islam, psikologi bukan tertumpu hanya kepada aspek tingkah laku dan mental, malah merangkumi *psyche* (jiwa dan ruh) dan keadaan transenden (keadaan yang berkaitan dengan kerohanian/spiritual) dengan berpaksikan sains Islam (Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, 2001; al-Ghazali, 2000; al-Mahdi Jenkins & Abdul Aziz, 2016; Haque, 2018; Najati, 2008, 2001; Rassool, 2021; Utz, 2011). Justeru, tingkah laku merupakan gabungan antara aspek kognisi, emosi dan tindakan. Sebagai tambahan, elemen spiritual (ruh) dan metafizik merupakan antara elemen penting yang mempengaruhi tingkah laku manusia (al-Mahdi Jenkins & Abdul Aziz, 2016; Haque, 2018; Utz, 2011). Pembentukan tingkah laku merupakan gabungan antara aspek kognisi, emosi dan tindakan. Sebagai tambahan, elemen spiritual (ruh) dan metafizik merupakan antara elemen penting yang mempengaruhi tingkah laku manusia (al-Mahdi Jenkins & Abdul Aziz, 2016; Haque, 2018; Utz, 2011).

### **Pendekatan Peneguhan dalam Pendidikan Kanak-kanak**

Pendekatan peneguhan (*reinforcement/tarhib*) dibincangkan dalam bidang seperti psikologi umum (rujuk Feldman, 2019; Mahmood Nazar, 2018; Coon & Mitterer, 2013), psikologi pendidikan (rujuk *Duchesne, McMaugh, & Mackenzie, 2022; Woolfolk, 2021*) dan psikologi Islam (rujuk Rassool, 2021, Al-Mahdi Jenkins & Abdul Aziz, 2016; Utz, 2011; Najati, 2001, 2008). Umumnya, pendekatan peneguhan ini digunakan untuk mendidik seseorang itu dalam aspek membangunkan motivasi diri dan pembelajaran (*learning*).

Fokus makalah ini ialah memberi garis panduan dan kaedah umum tentang pendidikan tingkah laku kanak-kanak. Pendekatan peneguhan merupakan kaedah rangsangan yang diberikan kepada subjek selepas berlakunya satu-satu tingkah laku yang bertujuan meningkatkan keberangskalian pengulangan tingkah laku yang diingini itu pada masa hadapan. Pendidikan melalui peneguhan adalah untuk menggalakkan kanak-kanak dengan insentif fizikal atau moral untuk

memaksanya mematuhi arahan dan perintah ibu bapa atau pendidik secara umum (Abdul Halim, 1998).

Terdapat dua bentuk peneguhan yang dibincangkan oleh ahli psikologi. Pertama, peneguhan positif (*positive reinforcement*) dan kedua ialah peneguhan negatif (*negative reinforcement*).

- 1. Peneguhan positif** ialah satu kaedah pembelajaran atau motivasi dengan memberikan rangsangan menyenangkan (*add or present a pleasant stimulus*) setelah tingkah laku itu ditunjukkan. Tujuan peneguhan positif diberikan agar tingkah laku tersebut diulangi dan diperkuatkan pada masa hadapan melalui cara memberi rangsangan menyenangkan apabila melakukan kebaikan. Contohnya, kanak-kanak telah berjaya mencapai sasaran pembelajaran tahunan. Ibu bapa atau pihak sekolah memberikan peneguhan positif (seperti ganjaran hadiah, anugerah, pujian, senyuman) kepada mereka. Kesannya, kanak-kanak berkemungkinan akan lebih bermotivasi untuk meningkatkan pembelajaran dan memperolehi pencapaian akademik yang lebih cemerlang pada masa akan datang.
- 2. Peneguhan negatif** ialah satu kaedah pembelajaran atau motivasi dengan memberikan rangsangan tidak selesa atau tidak menyenangkan selepas sesuatu tingkah laku ditunjukkan. Tujuan peneguhan negatif diberikan agar tingkah laku tersebut diulangi dan diperkuatkan pada masa hadapan melalui cara mengelakkan diri/menjauhi rangsangan tersebut (*avoid or remove an unpleasant stimulus*). Contohnya, situasi di mana ibu bapa memarahi/menegur anaknya kerana tidak membuat tugas sekolah yang diberikan oleh guru. Oleh kerana jemu dengan leteran ibu bapanya, maka si anak akan bertindak balas dengan menyiapkan tugas sekolahnya. Tindak balas anak (iaitu membuat kerja rumah) dapat mengelak daripada rangsangan yang tidak menyenangkan/tidak selesa (leteran ibu bapa). Kesannya, anak berkemungkinan akan bertindak balas dengan sewajarnya bagi mengelakkan diri atau menjauhi daripada perkara yang tidak menyenangkan pada masa masa hadapan.

### **Pendekatan Peneguhan dari sudut psikologi Islam dan Retorik al-Quran**

Pendekatan peneguhan dari perspektif psikologi Islam merujuk kepada sumber al-Quran dan al-Hadis dalam membincangkan ayat-ayat berkaitan pembelajaran dan motivasi. Tujuan peneguhan (sama ada peneguhan positif atau peneguhan negatif) ialah untuk meningkatkan kebarangkalian tindak balas dan tingkah laku yang sepatutnya itu berulang pada masa akan datang. Pendidikan dengan memberikan motivasi dan galakan adalah salah satu kaedah penting untuk mendidik kanak-kanak yang terbina di atas keinginan fitrah manusia untuk memiliki keseronokan, kebahagiaan, dan kesejahteraan dalam mengamalkan amalan saleh dan kebaikan.

Menurut al-Nahlawi (1996), pendekatan peneguhan sama ada peneguhan positif atau negatif (*targhib*) dalam Islam merujuk kepada janji yang disertai dengan galakan berbentuk persuasif dan galakan gembira dan seronok terhadap sesuatu perkara, dan dengan demikian menjadikan dan memperolehi faedah dan kebaikan. Tujuan peneguhan-peneguhan ini ialah individu akan berasa seronok, gembira, terdorong melakukan amal soleh/kebaikan dan menghindari perbuatan keseronokan yang memberi kesan bahaya/buruk atau menjauhi perbuatan yang buruk.

Dalam konteks peneguhan, bentuk ganjaran dalam al-Quran adalah tertangguh (*delayed*) dan bukan secara segera/serta merta (*immediate*) (Utz, 2011). Dalam psikologi moden (Twito, Israel, Simonson, & Knafo-Noam, 2019; VandenBos & American Psychological Association,

2015, hlm. 292), kepuasan tertangguh (*delayed gratification*) bermaksud menangguhkan atau menunda kepuasan/keseronokan (ganjaran) pada masa terdekat bagi tujuan meraih kepuasan ganjaran yang lebih besar pada masa akan datang. Dalam Islam, seorang Muslim menangguhkan kepuasan kehidupan di dunia, kekal beriman, bertakwa, istiqamah beramal soleh, dan sabar dengan dugaan untuk mendapatkan ganjaran yang hebat daripada Allah s.w.t. di akhirat kelak (rujuk al-Insaan 76:11-14, 76:20-22; al-Kahf 18:30-31; An-Nisa 4:57; Ash-Shuraa 42:20).

#### a) Peneguhan positif berbentuk ganjaran pujian, hadiah dan galakan

Pujian dan doa untuk kanak-kanak adalah salah satu contoh kaedah galakan/motivasi, kerana ia membawa keseronokan dalam diri kanak-kanak dan menggalakkan pengulangan tingkah laku pada masa akan datang. Mereka juga belajar bahawa perkara yang mereka lakukan tersebut adalah perkara atau perbuatan baik yang disukai semua. Memuji dan berdoa untuk kanak-kanak di sini bermakna menghargai kerjanya, memujinya kerana kerja baik dan menggalakkan dia berbuat kebaikan yang sama pada masa akan datang.

Menurut Azizah Lebai Nordin (2004), kanak-kanak perlu dididik sejak usia awal dengan pendidikan roh al-Quran bagi melahirkan modal insan berkualiti dan cemerlang. Ia perlu diterapkan dalam diri setiap individu sejak awal usia lagi. Pendidikan awal kanak-kanak diperlukan walau mereka masih kecil dan tidak memahami sebarang perkara yang berlaku di sekitar mereka. Ini kerana kapasiti otak kanak-kanak berpotensi besar untuk berkembang sehingga 90% ketika usia mereka di bawah 5 tahun. Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail dan Norlinda Yusof, (2013) menyatakan bahawa pendidik generasi muda melalui al-Quran adalah dengan memberikan tumpuan kepada kecerdasan emosi. Menurut Hanifah Sazali (2010), kanak-kanak memerhati, menaakul dan membuat kesimpulan terhadap apa yang mereka lihat pada peringkat ini. Sekiranya bimbingan dan didikan yang sewajarnya tidak diberi pada usia ini, mereka akan menjadikan kesimpulan apa yang mereka lakukan sendiri tanpa mengetahui baik atau buruk sebagai landasan hidup.

Kaedah peneguhan adalah salah satu kaedah yang paling menonjol dalam pendidikan kanak-kanak dan dinyatakan oleh al-Quran. Oleh itu, kita dapati ia agak jelas di dalam Al-Qur'an dan al-Hadis, di mana kaedah ini digunakan untuk menggesa umat Islam mematuhi segala perintah Allah s.w.t. Antara memerlukan ganjaran mematuhi perintah Allah di dunia dan akhirat, Allah s.w.t. memberi ganjaran syurga dalam surah al-Rahman:

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ ﴿٦٠﴾

Maksud: *Tiada balasan kebaikan kecuali kebaikan.* (Ar-Rahman 55:60)

Sarjana pendidikan bersetuju bahawa penggunaan galakan dan ganjaran adalah perlu dalam membesarkan kanak-kanak, setiap kali perbuatan baik dilakukan patut diberikan galakan. Al-Ghazali (2000) menegaskan hal ini dengan menyatakan bahawa, apa jua yang dilakukan oleh seorang anak kecil dari perbuatan baik dan terpuji, maka dia harus dihormati, dan diberi ganjaran kepadanya dengan apa yang mengembirakannya dan dipuji dalam kalangan ramai, kecuali jika kanak-kanak tersebut tidak mahu pendedahan tersebut.

Menurut Jawiyah Dakir et. al (2017) al-Quran banyak membicarakan soal berkaitan tingkah laku, namun adanya penjelasan tentang hakikat tingkah laku ini kurang disedari oleh kebanyakan sarjana, sedangkan ianya amat penting untuk menyelesaikan masalah manusia

yang berkaitan khususnya tingkah laku yang negatif. Mereka lebih banyak merujuk kepada sumber bukan daripada al-Quran ataupun pandangan sarjana barat semata-mata apabila membicarakan tentang tingkah laku dan perkara yang berhubungan dengannya. al-Quran telah menyatakan tentang kepelbagaian tingkah laku manusia, sama ada mereka yang meliputi aspek luaran manusia (fizikal), atau aspek dalaman (rohani) namun aspek ini belum dibincangkan dengan mendalam.

Menurut Wan Azura et al. (2017), pelbagai saranan motivasi secara langsung dan tidak langsung dikemukakan dalam al-Quran bagi mendorong tingkah laku positif sama ada dengan memberi galakan agar terus melakukan sesuatu kebaikan atau dengan menunjukkan cara bagaimana kebaikan itu harus dilakukan, misalnya galakan berbuat baik dan motivasi melakukan hubungan yang baik sesama manusia dalam surah al-Dhuha. Selain itu, banyak lagi ayat-ayat al-Quran yang lain yang membicarakan soal pendidikan termasuk pendidikan terhadap anak misalnya dalam surah Luqman.

Nabi Muhammad s.a.w. turut menggunakan kaedah ganjaran berupa hadiah dan pujian ini dalam mendidik kanak-kanak. Baginda menggunakan ganjaran bagi merangsang aktiviti kanak-kanak untuk melakukan perlumbaan dan untuk menyokong aktiviti ini serta membuktikan bahawa mereka telah mempelajarinya. Namun demikian, sebarang puji-pujian dan hadiah perlulah bersesuaian dengan situasi, tidak berlebih-lebihan dan perlu seimbang antara kanak-kanak. Ibu bapa dan para pendidik tidak boleh bersikap pilih kasih dalam memberi dorongan, galakan dan ganjaran.

Rasulullah s.a.w. mengajar umatnya memberi pujian dan hadiah dengan beberapa panduan seperti di dalam hadis-hadis yang tersebut di bawah (<https://sunnah.com/bukhari:2587>):

حَدَّثَنَا حَامِدُ بْنُ عُمَرَ، حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ، عَنْ حُصَيْنٍ، عَنْ عَامِرٍ، قَالَ  
 سَمِعْتُ التُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ يَقُولُ  
 أَعْطَانِي أَبِي عَطِيَّةً، فَقَالَتْ عَمْرَةُ بِنْتُ رَوَاحَةَ لَا أَرْضَى حَتَّى تُشْهَدَ  
 رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَأَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
 فَقَالَ إِنِّي أُعْطِيتُ ابْنِي مِنْ عَمْرَةَ بِنْتِ رَوَاحَةَ عَطِيَّةً، فَأَمَرْتَنِي أَنْ  
 أُشْهَدَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ "أَعْطِيتَ سَائِرَ وُلْدِكَ مِثْلَ هَذَا". قَالَ لَا. قَالَ  
 "فَأَنْتُمْوَاللَّهِ، وَاعْدِلُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ". قَالَ فَرَجَعَ فَرَدَّ عَطِيَّتَهُ.

Maksud: "Nu'man bin Basyir r.a sedang berada di atas mimbar, beliau berkata: Bapa saya memberi sesuatu pemberian kepada saya. 'Amrah binti Rawahah (ibu Nu'man) berkata: Saya tidak suka sebelum engkau memperlihatkannya kepada Rasulullah SAW. Lalu Basyir pergi bertemu Rasulullah SAW dan berkata: Saya memberikan sesuatu pemberian kepada anak saya dari 'Amrah binti Rawahah, tetapi beliau menyuruh saya memperlihatkannya kepada tuan, ya Rasulullah. Sabda baginda SAW: Adakah engkau memberi semua anak engkau seperti ini? Jawabnya: Tidak. Sabda baginda SAW: Takutlah kepada Allah SWT dan berlaku adil antara anak-anakmu. Kata Nu'man: Dia kembali dan membatalkan pemberiannya itu." (Sahih al-Bukhari; Ibn Hajar al-'Asqalani, 1998)

## b) Peneguhan positif berbentuk galakan dengan panggilan yang baik



Antara contoh lain kaedah galakan al-Quran dalam pendidikan adalah galakan seorang ayah iaitu Luqman bin Hakim kepada anaknya. Panggilan yang baik kepada anaknya dengan panggilan “Wahai anakku” adalah salah satu kaedah yang baik memberikan galakan agar anak tersebut dapat mendengar nasihat yang diberikan seterusnya sebagai tanda hormat dan kasih serta galakan terhadap perbuatan baik seorang anak. Hal ini dirakamkan dalam surah Luqman:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصْلَهُ فِي عَامَيْنِ  
 أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾  
 وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا  
 وَصَاحِبْهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىٰ تَمَّ إِلَىٰ  
 مَرْجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Maksud: “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandunginya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan) (14). Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau-dengan fikiran sihatmu-tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. (15). (Luqman 31:14-15).

Dalam ilmu retorik (balaghah) membincangkan pelbagai cabang ilmu balaghah daripada al-Quran sama ada *ilmu al-Ma’ani*, *ilmu al-Bayan* dan *ilmu al-Badi* (Abdul-Raof, 2006). Ilmu al-Ma’ani adalah ilmu yang mengkaji keadaan susunan perkataan (*word order*) yang sesuai dengan situasi dan keadaan. Ayat ke-14 dan 15 menggambarkan Luqman menasihati anaknya dengan memanggil anaknya dengan ungkapan sopan dan manja iaitu “*Ya Bunayya*” atau “Wahai anakku” untuk memberi nasihat yang baik supaya mentaati ibu bapanya selepas nasihat agar tidak mensyirikkan Allah. Ia menunjukkan bahawa keutamaan diberikan kepada Allah daripada sesuatu yang lain (Ibn Ashur, 1984). “*Ya Bunayya*” dalam retorik Arab adalah di bawah *ilm al-Maa’ni* (al-Qazwiniy, n.d.) yang bermaksud perkataan panggilan. Perkataan panggilan “Ya” adalah perkataan panggilan rapat yang dalam erti kata lain panggilan penuh kasih sayang.

Penggunaan kata dalam ayat-ayat al-Quran mengandungi unsur retorik *al-Maani* dan seterusnya memberi impak dari segi pembelajaran, emosi dan motivasi. Ini dilihat dari segi kaedah penyampaian kata-kata yang sesuai dengan keadaan orang yang diajak bicara, tujuan yang digunakan, dan kata-kata yang diucapkan bersesuaian dengan ilmu bahasa Arab dan memenuhi kriteria *balaghah* (*retorik Arab*). Dalam pendidikan al-Quran dan al-Hadis, di dapati bahasa dan gaya bahasa yang digunakan adalah gaya bahasa retorik yang indah bersesuaian dengan peranan kedua-dua sumber utama ini adalah untuk memberi didikan dan mendekati hati manusia tanpa mengira usia.

Menurut Qutb (2011), Luqman al-Hakim dalam menjelaskan hubungan yang erat antara ibu bapa dan seorang kanak-kanak, dalam bahasa yang sangat indah bermula dengan kesukaran dan kesusahan terutama mereka yang hamil iaitu ibu. Luqman al-Hakim terlebih dahulu bermain dengan emosi anak iaitu mengingatkan anak tentang Pencipta-Nya serta susah payah kedua ibubapanya sebelum menasihatkannya dengan perkara lain berkaitan kehidupan muamalah dan akhlak sesama manusia seperti tidak sombong dan meninggikan diri.

Beberapa peneguhan berbentuk ucapan-ucapan positif (seperti panggilan mesra, pengulangan, penegasan, nasihat yang baik) berdasarkan kupasan retorik Arab dan retorik al-Quran dapat diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Pendekatan peneguhan positif berbentuk galakan dengan panggilan yang baik**

Pendekatan peneguhan positif dalam al-Quran	Surah & Ayat	Retorik Arab dan Retorik al-Quran
<b>Panggilan mesra dan nama terbaik</b> - spt Wahai. Ya Rahman-Ya Rahim, Ya Bunayya	Al-Israa'- 17: 110 Luqman- 31: 13	Ilmu al-Ma'ani <i>an-Nida</i> (seruan)
<b>Ulangan Panggilan-</b> Panggilan mesra yang sering diulang-ulang untuk membina hubungan rapport dan empati, menunjukkan kerendahan diri dan pengharapan	Luqman-31: 16, 17 Yusuf 12: 5, 67, 87	Ilmu al-ma'ani <i>al-Tikrar</i> (ulangan)
<b>Psikologi Penegasan untuk Peringatan Diri-</b> Peringatan agar taat kepada Allah, berbuat baik kepada ibu bapa, jangan melakukan syirik/mungkar; Emosi sabar dan syukur	Luqman- 31: 13-19 Al-Baqarah 2:132	Ilmu al-Ma'ani <i>at-Taukid</i> (penegasan)
<b>Nasihat yang baik dan Nilai Etika dengan penuh hikmah-</b> Nasihat yang baik seperti jangan sombong, jangan berpaling, sederhanakan langkah berjalan, jangan tinggikan suara, jaga rahsia	Luqman-31: 13-19 Al-Baqarah 2:132 Yusuf 12:5,	al-Ma'ani <i>Nahi</i> (Larangan-Janganlah)

### c) Peneguhan positif berbentuk ganjaran pahala dan diampun dosa

Nabi Muhammad s.a.w. yang merupakan pendidik agung dalam sejarah ketamadunan dan peradaban dunia, pendidik pertama negara Islam, menggunakan kaedah pemberian ganjaran pahala, untuk menggalakkan umat Islam mematuhi perintah dan tugas Ilahi. Daripada Abu Al-Darda, Nabi Muhammad s.a.w bersabda (<https://sunnah.com/tirmidhi:2002>):



حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ دِينَارٍ، عَنِ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ، عَنْ يَعْلَى بْنِ مَمْلُوكٍ، عَنْ أُمِّ الدَّرْدَاءِ، عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَا شَيْءٌ أَثْقَلُ فِي مِيزَانِ الْمُؤْمِنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ خُلُقٍ حَسَنٍ وَإِنَّ اللَّهَ لَيَبْغُضُ الْفَاحِشَ الْبِذِيءَ ". قَالَ أَبُو عَيْسَى وَفِي الْبَابِ عَنْ عَائِشَةَ وَأَبِي هُرَيْرَةَ وَأَدْنَسٍ وَأَسَامَةَ بْنِ شَرِيكٍ . وَهَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ .

Maksud: "Tiada apa yang lebih berat timbangan bagi orang-orang yang beriman pada hari Kebangkitan selain daripada berbuat kebaikan dan kerana sesungguhnya Allah murka kepada orang keji yang tidak tahu malu" (Jami` at-Tirmidhi 2002)

Secara umumnya, dalam al-Quran Allah s.w.t sentiasa mengingatkan hamba-hambaNya bahawa setiap perbuatan yang baik akan dibalas dengan pahala dan syurga. Secara umum, Allah s.w.t menjanjikan balasan baik terhadap hamba-hambaNya yang beriman, bertakwa dan beramal soleh. Perkara tersebut dinyatakan dalam al-Qur'an seperti dalam surah az-Zumar ayat 20 dan surah an-Nur ayat 38. Ini membuktikan bahawa kaedah galakan, dorongan dan ganjaran serta motivasi merupakan kaedah asas yang bersesuaian dengan jiwa dan fitrah manusia tanpa mengira usia apatah lagi kanak-kanak yang bersifat ingin tahu dan mencuba.

Firman Allah s.w.t di dalam surah Yusuf jelas menggambarkan bahawa apabila anak melakukan kebaikan, maka ibu bapa perlulah memberikan ganjaran dalam sebarang bentuk yang difikirkan sesuai. Bapa nabi Yusuf bersedia memohon keampunan daripada Allah untuk adik beradik Nabi Yusuf yang lain setelah mereka insaf terhadap kesalahan yang telah mereka lakukan. Firman Allah SWT:

قَالُوا يَا أَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا إِنَّا كُنَّا خَاطِئِينَ ﴿٩٧﴾  
 قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّي إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٩٨﴾

Maksud: Mereka berkata: "Wahai ayah kami! Mintalah ampun bagi kami akan dosa-dosa kami. Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bersalah"(97). Nabi Yaakub berkata: "Aku akan meminta ampun bagi kamu dari Tuhanku. Sesungguhnya Dia lah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani"(98) (Yusuf 12:97-98).

Al-Zuhayli (1998) menyatakan bahawa ayat ini menjadi dalil bahawa harus bagi manusia menzahirkan kegembiraan setelah hilangnya kesusahan atau kesengsaraan.

#### d) Peneguhan negatif dalam al-Quran dan al-Hadis

Peneguhan negatif dinyatakan dalam beberapa ayat al-Quran sebagai satu usaha untuk meningkatkan dan menambahbaik tingkah laku dengan mengelakkan kesan-kesan negatif atau membuang perkara-perkara yang tidak menyenangkan. Peneguhan negatif diringkaskan dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Peneguhan negatif dalam al-Quran dan al-Hadis

Peneguhan negatif dalam al-Quran dan al-Hadis	Tindak balas/respon	Kesan tingkah laku pada masa akan datang
<p>Ayat berkaitan aspek kematian dan kejahatan atau perkara tidak baik pada hari kiamat</p> <p>(Rujuk Al-Ahqaaf 46:13; Az-Zukhruf 43:68; Al-Ankabut 29:64; Al-An'am 6:32; Al-Mukmin 40:39)</p>	<p>Manusia perlu bertindak balas dengan mengelak diri untuk tidak rasa takut, sedih, bimbang, dan memohon perlindungan Allah</p>	<p>Respon dan tingkah laku untuk tidak rasa takut, sedih, bimbang dan sentiasa mohon perlindungan Allah <b>akan meningkat</b> walaupun menghadapi perkara negatif dan menyakitkan.</p>
<p>Ayat berkaitan aspek kemiskinan dan kesempitan hidup</p> <p>(Rujuk Az-Zariyat 51:58; Az-Zariyat 51:22 Hud 11:6; Al-Ankabut 29:62)</p>	<p>Manusia perlu bertindak balas dengan mengelak diri untuk tidak rasa takut miskin dan meyakini bahawa Allah Maha Pemberi Rezeki</p>	<p>Respon dan tingkah laku untuk tidak rasa takut miskin dan sentiasa yakin dengan rezeki Allah <b>akan meningkat</b> walaupun menghadapi perkara negatif dan menyakitkan.</p>
<p>Ayat berkaitan perkara yang mengundang boleh kemarahan.</p> <p>(Rujuk Fussilat 41:34; 'Ali Imran 3:133-134)</p>	<p>Manusia bertindak balas dengan mengelak diri daripada marah dan mampu mengurus kemarahan dengan bijak dan memohon keampunan Allah</p>	<p>Respon dan tingkah laku untuk tidak rasa marah dan sentiasa bijak mengurus kemarahan <b>akan meningkat</b> walaupun menghadapi perkara negatif dan menyakitkan.</p>
<p>Al-Hadis berkaitan untuk tidak mengulangi jatuh buat kali kedua dalam bahaya dan ujian yang sama.</p> <p>حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحَارِثِ الْبُصْرِيُّ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ، حَدَّثَنِي عَقِيلٌ، عَنِ ابْنِ شِهَابٍ، أَخْبَرَنِي سَعِيدُ بْنُ الْمُسَيْبِ، أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ، أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ " لَا يُدْعُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرِ مَرَّتَيْنِ "</p> <p>Abu Hurairah berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Orang mukmin tidak jatuh dalam lubang yang sama sebanyak 2 kali" (<a href="https://sunnah.com/ibnmajah:3982">https://sunnah.com/ibnmajah:3982</a>)</p>	<p>Manusia bertindak balas dengan mengelak diri dari sikap gopoh gapah dan sentiasa berhati-hati agar tidak mengulangi jatuh buat kali kedua dalam bahaya dan ujian yang sama.</p>	<p>Respon dan tingkah laku untuk lebih berhati-hati, pintar, cerdik, berpengalaman dan sentiasa waspada <b>akan meningkat</b> apabila berhadapan dengan masalah, bahaya, kesalahan dan ujian yang sama.</p>

## PENUTUP

Pendidikan yang menggunakan pendekatan peneguhan (peneguhan positif dan peneguhan negatif) mengandung budaya dan nilai kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati. Pendidikan dalam konteks al-Quran, al-Hadis mahupun dari sudut psikologi Islam adalah seiring iaitu menganggap kanak-kanak adalah bersifat fitrah dan berperasaan ingin tahu ini perlu disemarakkan oleh ibu bapa atau guru dengan terus memberikan mereka galakan dan ganjaran yang sesuai. Hal ini adalah kerana galakan tersebut akan membenihkan dalam diri mereka perasaan sukakan kebaikan serta menanamkan dalam diri kanak-kanak keyakinan terhadap nilai dan meneruskan amalan yang murni ini. Bahasa dan gaya bahasa yang diungkapkan dalam al-Quran dan al-Hadis berbentuk retorik yang dapat menarik minat kanak-kanak untuk mendengar nasihat dan membentuk tingkah laku yang baik. Pendidikan kanak-kanak dari kacamata psikologi Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadis kerana melibatkan pembangunan aspek potensi insan JERIS termasuk aspek-aspek akidah, syariat dan akhlak. Makalah ini dapat membuka ruang dan peluang kajian baharu yang rentas bidang (*cross disciplinary*) iaitu bidang psikologi Islam dan retorik bahasa Arab-al-Quran dalam menganalisis pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan dalam dunia pendidikan masa kini.

## PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian dari penyelidikan FRGS Kod: USIM/FRGS/055002/50917. Justeru para penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) serta Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas pembiayaan.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Halim. (1998). *Mausu'ah safir li tarbiyati abna'*. Kaherah: Syarikat Safir.

Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. (2001). *Nuansa-Nuansa psikologi Islam*. Jakarta, Indonesia: PT Raja Grafindo Persada.

Abdul-Raof, Hussein. (2006). *Arabic rhetoric: A pragmatic analysis*. Abingdon, Oxon: Routledge.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1999). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: ISTAC. <http://www.islamic-manuscripts.info/reference/books/Attas-1999-Concept-education.pdf>.

al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2000). *Ihya' ulum al-din*. Kaherah: Dar al-Taqwali al-Turath.

al-Haithami, Nuruddin Ali bin Abi Bakar. (1991). *Majma' al-zawa'id wa manba' al-fawa'id*. Beirut: Dar al-Fikir.

- al-Mahdi Jenkins, Muhammad, & Abdul Aziz Azimullah. (2016). *Positive Islamic Psychology: A transcendent model to achieve peace, happiness and success in the 21<sup>st</sup> century*. Kuala Lumpur: Excellent Ummah Development Association and Positive Islamic Psychology Centre.
- al-Nahlawi, Abdurrahman. (1996). *Prinsip-prinsip dan metode pendidikan Islam dalam keluarga, sekolah dan masyarakat* [Ushulut tarbiyah Islamiyah wa asalibiha fii baiti wal madrasati wal mujtama'] (**Herry Noer Ali, Terj**). Jakarta: Gema Insani Press.
- al-Qazwiniy, Jalaluddin Muhamamd bin Abdurrahman. (n.d). *Al-talkhis fi ulum al-balaghah* (Abdul Hamid Handawi, ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Zuhaili, Wahbah. (1998). *Tafsir al-munir (Jld 13)*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Awang Sariyan. (2009). Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan masyarakat hadhari. *Jurnal Hadhari*, 1, 1-29. <http://journalarticle.ukm.my/232/1/1.pdf>.
- Azizah Lebai Nordin. (2004). *Pendidikan awal kanak-kanak: Teori dan amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Coon, D., & Mitterer, J. O. (2013). *Introduction to psychology: Gateways to mind and behavior* (13<sup>th</sup> ed.). Belmont: Wadsworth Cengage Learning.
- Duchesne, S., McMaugh, A., & Mackenzie, E. (2022). *Educational psychology for learning and teaching* (7<sup>th</sup> ed.). Melbourne: Cengage Learning.
- Feldman, R. S. (2019). *Essentials of understanding psychology* (13<sup>th</sup> ed.). New York: McGraw-Hill Education.
- Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail, & Rorlinda Yusof. (2013). Kecerdasan emosi menurut al-Quran dan as-Sunnah: Aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 51-57. <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5532/3290>.
- Hanifah Sazali. (2010). Pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an: Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Bandar Triang, Pahang. (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.
- Haque, A. (2018). Psychology from an Islamic perspective. Dalam S. Fernando & R. Moodley (Ed.), *Global Psychologies: Mental Health and the Global South* (hlm. 137–150). London: Palgrave Macmillan.
- <https://quran.com>  
<https://sunnah.com>
- Ibn Ashur, Muhammad al-Tohir bin Muhammad. (1984). *Al-tahrir wa al-tanwir*. Tunis: Dar Tunisiah.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, Al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali. (1998). *Fath al-bari bi sharh sahih al-bukhari “Kitab al-hibbah wa fadluha wa al-tahrid ‘alaiha” (Jld. 5)*. No. hadis 2587. Kaherah: Dar al-Hadis.

- Jawiah Dakir, Mohd Yusof Hj. Othman, Fariza Md Sham, Muhammad Hilmi Jalil, Aguswan Rashid, Mujahid Abu Bakar, Siti Maheran Ismail@Ibrahim. (2017). *Klasifikasi al-Quran terhadap tingkah laku manusia dalam membina peradaban*. Jurnal Hadhari Edisi Khas, 125-142. <http://journalarticle.ukm.my/11332/1/20008-57065-1-SM.pdf>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2018). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maszlee Malik. (2021). *Memori bukan memoir: 20 bulan reformasi pendidikan*. Penerbitan©Maszlee Malik.
- Najati, Muhammad Usman. (2001). *Al-Quran dan psikologi* (Tb. Ade Asnawi Syihabuddin, Terj.). Jakarta: Penerbit Aras Pustaka.
- Najati, Muhammad Utsman. (2008). *Psikologi rasulullah S.A.W.* Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary (10<sup>th</sup> ed.). (2020). Oxford: Oxford University Press.
- Qutb, Sayyid. (2011). *Tafsir fi zilal al-quran*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Rassool, G. Hussein. (2021). *Islamic Psychology: Human behaviour and experience from an Islamic perspective*. Abingdon, Oxon: Routledge.
- Rosnani Hashim. (2006). Falsafah penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam: Konsep dan matlamat. *Jurnal Pendidikan Islam* 11(1): 1-16. [http://irep.iium.edu.my/26948/1/RH\\_Falsafah\\_Penyelidikan\\_Pend\\_dr\\_Perspektif\\_Islam.PDF](http://irep.iium.edu.my/26948/1/RH_Falsafah_Penyelidikan_Pend_dr_Perspektif_Islam.PDF).
- Twito, L., Israel, S., Simonson, I., & Knafo-Noam, A. (2019). The motivational aspect of children's delayed gratification: Values and decision making in middle childhood. *Front. Psychol*, 10:1649. doi: 10.3389/fpsyg.2019.01649.
- Utz, Aisha. (2011). *Psychology from the Islamic perspective*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- VandenBos, G. R., & American Psychological Association. (2015). *APA dictionary of psychology* (2<sup>nd</sup> ed.). Washington DC: American Psychological Association.
- Wan Azura W.A., Ahmad Fazullah M.Z.A., Rosni Samah, Hishomudin Ahmad, Yuslina Mohamed, & Mikail Ibrahim. (2017). Uslub targhib (motivasi) dalam muamalah hasanah: Analisis surah al-Dhuha daripada perspektif psikologi dan retorik. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2), 198-213. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol2iss2pp198-213>.
- Woolfolk, A. (2021). *Educational psychology* (14<sup>th</sup> ed.). Essex: Pearson Education.